

Adat Bapukong Tradisi Masyarakat Banjar yang Berasaskan Syariat: Kajian di Negeri Perak Darul Ridzuan

Nur Azlina Roslan¹, *Muhammad Yusri Yusof @ Salleh², Muhd Imran Abd Razak³

¹*Pelajar Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Perak, Malaysia*

¹*Penyelaras Operasi, Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Perak, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Perak, Malaysia*

^{2,3} *Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Perak, Malaysia*

azlinajaipk@gmail.com¹, *yusri613@uitm.edu.my², imranrazak@uitm.edu.my³

***Corresponding author**

ABSTRACT

Bapukong is a unique traditional practice among the Banjar community particularly associated with postnatal infant care. This custom involves swaddling and cradling babies in a seated position using batik or sarong cloths with the aim of soothing discomforts such as bloating, mild fever, or general restlessness. The practice is commonly accompanied by the recitation of Islamic prayers, selawat (praises upon the Prophet) and berzanji, thus reflecting not only a cultural ritual but also spiritual elements rooted in Islamic values. This study explores the contemporary application of the Bapukong tradition among the Banjar community in the state of Perak, Malaysia and evaluates its alignment with Islamic legal principles. Using a qualitative methodology comprising field observations and semi-structured interviews, the findings indicate that Bapukong is consistent with the objectives of Islamic law (maqāsid al-sharī'ah), particularly in safeguarding life (ḥifẓ al-nafs) and social harmony. The practice also serves as a symbol of cultural identity that remains intact across generations. This study recommends systematic documentation of Bapukong as an element of local Islamic heritage that harmoniously integrates tradition and religious observance.

Keywords: *Bapukong tradition, Banjar community, maqāsid al-sharī'ah, infant care, Islamic cultural heritage.*

ABSTRAK

Adat *Bapukong* merupakan salah satu amalan tradisional unik dalam kalangan masyarakat Banjar yang berperanan dalam aspek penjagaan bayi selepas kelahiran. Amalan ini melibatkan proses membedung dan membuai bayi menggunakan kain batik atau pelikat dalam kedudukan duduk bagi menenangkan bayi yang mengalami ketidakselesaan seperti kembung perut, demam atau kegelisahan. Pelaksanaan adat ini disertai dengan bacaan selawat, doa serta *berzanji*, menjadikannya bukan sekadar ritual budaya bahkan juga mengandungi unsur kerohanian yang berteraskan nilai-nilai Islam. Kajian ini dijalankan bagi meneliti pelaksanaan adat *Bapukong* dalam kalangan masyarakat Banjar di Negeri Perak Darul Ridzuan serta menilai tahap kesesuaiannya dengan prinsip-prinsip Syariah. Berdasarkan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual dan pemerhatian lapangan, dapatan menunjukkan bahawa amalan ini bukan sahaja selari dengan *maqāsid al-sharī'ah* seperti penjagaan nyawa (*ḥifẓ al-nafs*) dan kesejahteraan sosial, bahkan berfungsi sebagai simbol identiti budaya yang masih terpelihara. Kajian ini mencadangkan agar adat *Bapukong* didokumentasikan secara sistematik dan

diperkenalkan sebagai salah satu warisan budaya Islam tempatan yang relevan dengan prinsip keagamaan.

Kata kunci: Adat Bapukong, masyarakat Banjar, *maqāṣid al-sharī'ah*, penjagaan bayi, warisan budaya Islam.



ISSN: 2550-214X © 2025. Published for Ideology Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1 PENDAHULUAN

Masyarakat Banjar merupakan salah satu komuniti etnik yang menetap di pelbagai wilayah di Malaysia, termasuk di Negeri Perak Darul Ridzuan. Komuniti ini dikenali dengan keunikan warisan budaya yang masih lestari, khususnya dalam konteks penjagaan bayi selepas kelahiran. Salah satu amalan tradisi yang signifikan ialah adat *Bapukong* iaitu satu bentuk upacara membedung dan membuai bayi dalam posisi duduk menggunakan kain batik atau pelikat. Amalan ini bukan sahaja bertujuan menenangkan bayi yang kurang sihat atau meragam malah dilaksanakan dalam suasana yang disertai dengan bacaan doa, selawat serta *berzanji*, yang menggambarkan keterikatan erat tradisi ini dengan unsur-unsur syariat Islam (Zainal, 2019; Mahyuddin, 2015).

Walaupun *Bapukong* berpaksikan kepada adat budaya, pelaksanaannya menunjukkan nilai-nilai yang selari dengan *maqāṣid al-sharī'ah* antaranya aspek penjagaan kesihatan (*hifẓ al-nafs*), pemeliharaan maruah keluarga (*hifẓ al-'ird*), serta pembentukan hubungan sosial dalam komuniti (Mustaqim, 2024; Hasri & Hasliza). Namun demikian, terdapat kekeliruan dan tanggapan negatif dalam kalangan masyarakat luar yang menyamakan amalan ini dengan perbuatan yang boleh membebaskan bayi. Justeru, adalah penting untuk melihat amalan ini dalam kerangka nilai budaya dan hukum Islam secara adil dan berimbang. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis secara mendalam adat *Bapukong* dalam kalangan masyarakat Banjar di Negeri Perak Darul Ridzuan, dengan memberi tumpuan terhadap keselarasan amalan ini dengan prinsip-prinsip syariah. Kajian ini juga berhasrat untuk menilai peranan *Bapukong* sebagai warisan budaya Islam tempatan yang wajar didokumentasi dan dilestarikan dalam arus pemodenan yang pesat.

1.1 Latar Belakang Masyarakat Banjar Di Malaysia

Masyarakat Banjar berasal dari Kalimantan Selatan, Indonesia dan berhijrah ke Tanah Melayu pada sekitar abad ke-19 (Abdullah, 2018). Terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti membawa kepada penghijrahan besar masyarakat Banjar ke Tanah Melayu, iaitu faktor perdagangan, kemiskinan dan penjajahan Belanda di Indonesia pada masa itu (Rahim Aman & Zulkifley Hamid, 2012). Penduduk Banjar dikatakan terpaksa berhijrah ke Tanah Melayu untuk mendapatkan perlindungan setelah perang Banjar berlaku. Perang tersebut telah menyebabkan Sultan Muhammad Seman, raja kerajaan Banjar terbunuh di tangan Belanda (Nurussobah *et.al.*, 2017).

Penghijrahan masyarakat Banjar telah membawa mereka ke beberapa lokasi awal penempatan mereka di Tanah Melayu, iaitu daerah Kerian, Teluk Intan dan Bagan Datoh, di negeri Perak, Sabak Bernam dan Tanjung Karang di negeri Selangor, Batu Pahat di negeri Johor, Sandakan, Tenom, Keningau dan Tawau di negeri Sabah dan Kuching serta Sri Aman di Sarawak. Menurut Nurussobah *et.al.*, (2017), terdapat beberapa suku Banjar yang bertapak di sini, antaranya (i) Banjar Kaluak iaitu dari daerah Balangan, (ii) Banjar Kuala dari daerah Martapura, (iii) Banjar Amuntai dari daerah Amuntai, (iv) Banjar Kandangan dari daerah Hamandit dan (v) Banjar Barabai dari daerah Alai.

Kedatangan masyarakat Banjar telah membawa bersama-sama warisan budaya tersendiri seperti bahasa Banjar, makanan tradisional, serta amalan sosial yang mencerminkan identiti unik sebagai satu

etnik Islam Nusantara. Sebahagian besar masyarakat Banjar kini telah mengalami proses asimilasi ke dalam budaya Melayu arus perdana, namun masih mengekalkan elemen tradisi yang tersendiri. Amalan seperti *Bapukong*, berzanji serta pengajaran agama secara tradisional masih dipelihara dalam kalangan generasi tua (Yusoff & Mohamad, 2021). Meskipun terdapat cabaran dalam mengekalkan adat ini dalam era moden, komuniti Banjar tetap memainkan peranan penting dalam mempertahankan keunikan budaya Islam tempatan. Di negeri Perak secara khusus, masyarakat Banjar boleh ditemui secara signifikan di kawasan Bagan Serai, Parit Buntar, dan Larut Matang. Komuniti ini telah lama menetap di kawasan tersebut dan melibatkan diri secara aktif dalam bidang pertanian serta aktiviti ekonomi kampung tradisional. Menurut kajian oleh Zainal (2019), masyarakat Banjar di Perak masih mengekalkan beberapa adat warisan, termasuk amalan *Bapukong*, khususnya dalam kalangan generasi pertengahan dan tua yang berperanan sebagai pemegang tradisi. Adat *Bapukong* dilihat sebagai manifestasi perpaduan antara adat budaya dan nilai syariat. Proses pembedungan bayi tidak sekadar amalan fizikal, tetapi turut mencerminkan pendekatan spiritual terhadap penjagaan bayi melalui bacaan doa dan selawat (Hashim & Mohd Nor, 2020). Dalam konteks masyarakat Banjar di Perak, amalan ini menjadi bukti keupayaan komuniti tersebut untuk mengekalkan identiti budaya tanpa menafikan kehendak agama. Justeru, usaha untuk mendokumentasi dan memartabatkan amalan ini sebagai sebahagian daripada warisan budaya Islam tempatan perlu diperkukuh melalui kajian ilmiah dan inisiatif pendidikan.

1.2 Masalah Kajian

Adat *Bapukong* merupakan satu daripada warisan budaya masyarakat Banjar yang memperlihatkan kesinambungan antara kepercayaan tradisional dan unsur-unsur keagamaan dalam penjagaan bayi pasca kelahiran. Namun begitu, dalam konteks masyarakat moden yang semakin terdedah kepada pemikiran rasional dan pendekatan sains moden, adat ini semakin kurang difahami serta mula ditanggapi secara negatif. Terdapat segelintir pihak yang melihat amalan membedung bayi dalam kedudukan duduk sebagai bentuk ketidakselesaan atau penderaan fizikal terhadap bayi. Tanggapan sedemikian timbul akibat kurangnya pemahaman terhadap latar budaya dan nilai spiritual yang mendasari amalan ini (Zainal, 2019; Yusoff & Mohamad, 2021). Tambahan pula, pengaruh arus pemodenan yang menekankan kepada keseragaman budaya turut memberi tekanan kepada masyarakat minoriti seperti Banjar untuk menyesuaikan diri dengan norma sosial yang dominan. Akibatnya, generasi muda Banjar semakin menjauh daripada tradisi nenek moyang mereka, termasuk adat *Bapukong* yang dilihat sebagai tidak lagi relevan. Dalam masa yang sama terdapat kekurangan kajian akademik yang menilai amalan ini dari sudut pandang syariah Islam secara sistematik. Kebanyakan kajian terdahulu hanya menumpukan kepada deskripsi etnografi tanpa menelusuri aspek teologi, fiqh dan *maqāṣid al-sharī'ah* secara lebih mendalam (Hashim & Mohd Nor, 2020). Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi merungkai persoalan berkaitan makna dan kedudukan adat *Bapukong* dalam masyarakat Banjar di Negeri Perak Darul Ridzuan. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk dan tatacara pelaksanaan adat *Bapukong* dalam komuniti tersebut, menganalisis elemen-elemen keagamaan yang mengiringi amalan berkenaan, serta menilai sejauh mana adat ini selari dengan prinsip-prinsip *maqāṣid al-sharī'ah*. Kajian ini juga bertujuan untuk mencadangkan strategi pelestarian adat *Bapukong* sebagai sebahagian daripada warisan budaya Islam tempatan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak, sekali gus memperkukuh jati diri masyarakat Banjar dalam kerangka Malaysia Madani.

2 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat eksploratori bagi meneliti secara mendalam amalan adat *Bapukong* dalam kalangan masyarakat Banjar di Negeri Perak Darul Ridzuan. Pendekatan ini dipilih kerana ia memungkinkan pemahaman yang holistik terhadap konteks budaya, makna simbolik dan nilai keagamaan yang mendasari pelaksanaan adat tersebut sejajar dengan saranan Creswell (2013) yang menekankan pentingnya pendekatan kualitatif dalam kajian yang melibatkan konstruk sosial dan budaya. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian kes, memfokuskan kepada komuniti Banjar di Bagan Serai dan Parit Buntar, dua kawasan yang mempunyai tumpuan penduduk Banjar yang masih mengamalkan adat tersebut. Kajian kes ini membolehkan penyelidik menelusuri

naratif, simbol, dan amalan adat *Bapukong* secara mendalam dalam konteks setempat, sesuai dengan cadangan Yin (2014) yang menekankan kekuatan reka bentuk kajian kes dalam menganalisis fenomena budaya yang kompleks dalam batasan tertentu.

Data utama kajian diperoleh melalui kaedah temu bual separa berstruktur dan pemerhatian lapangan. Temu bual dijalankan dengan informan utama seperti tokoh masyarakat, ibu bapa Banjar yang pernah melaksanakan *Bapukong*, bidan kampung etnik banjar yang mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dan pengamal tradisi tempatan. Temu bual ini bertujuan mendapatkan pandangan holistik tentang sejarah, tujuan, dan pengalaman sebenar pelaksanaan *Bapukong*. Panduan temu bual disusun berdasarkan rangka kerja *maqāṣid al-sharī'ah* untuk mengenal pasti padanan nilai Islam dalam amalan ini. Sementara itu, kaedah pemerhatian bukan peserta dijalankan ketika upacara *Bapukong* berlangsung untuk merekodkan secara langsung bentuk pelaksanaan, bacaan doa dan interaksi sosial yang berlaku. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik, iaitu dengan mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan makna adat, justifikasi keagamaan, serta persepsi masyarakat terhadap pelaksanaan adat tersebut. Proses pengkodan dilakukan secara manual dengan berasaskan prinsip *open coding*, *axial coding*, dan *selective coding* sebagaimana disarankan oleh Braun dan Clarke (2006). Penekanan turut diberikan kepada triangulasi data bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahihan dapatan, dengan membandingkan hasil temu bual, pemerhatian dan dokumen sokongan seperti rekod tempatan atau penulisan terdahulu. Aspek etika kajian dititikberatkan sepanjang proses penyelidikan. Kebenaran lisan dan bertulis diperoleh daripada semua peserta kajian manakala identiti mereka dirahsiakan sepenuhnya demi menjamin kerahsiaan maklumat.

3 SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap amalan budaya dalam kalangan masyarakat etnik seperti Banjar menunjukkan bahawa tradisi seperti *Bapukong* bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme penjagaan bayi tetapi turut berperanan dalam pembentukan identiti komuniti dan kesinambungan nilai agama. Abdullah (2018) mencatatkan bahawa masyarakat Banjar di Malaysia mempunyai sistem sosial dan budaya yang rapat dengan nilai-nilai Islam, hasil daripada sejarah migrasi mereka dari Kalimantan Selatan ke Tanah Melayu sejak abad ke-19. Dalam hal ini, warisan budaya seperti adat *Bapukong* bukan sekadar ritual penjagaan bayi, tetapi menjadi medium intergenerasi dalam penyaluran ajaran moral, etika, dan spiritual yang dibingkai dalam kerangka budaya Islam. Mahyuddin (2015) pula menekankan bahawa amalan *Bapukong* melambangkan kebijaksanaan tempatan dalam menyesuaikan keperluan fizikal bayi dengan elemen-elemen psikososial dan kerohanian. Ia sering disertai dengan bacaan selawat, doa dan *berzanji* yang menjadikan pelaksanaannya tidak hanya bersifat fizikal, tetapi turut mengandungi nilai keagamaan. Hashim dan Mohd Nor (2020) menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa amalan-amalan tradisional seperti *Bapukong* mencerminkan kefahaman masyarakat terhadap keseimbangan antara penjagaan fizikal dan spiritual dalam konteks kesihatan anak-anak kecil.

Zainal (2019), dalam kajian lapangan yang dijalankan di Bagan Serai, Perak, mendapati bahawa *Bapukong* masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Banjar dan merupakan sebahagian daripada rutin penjagaan bayi yang dianggap membawa ketenangan kepada anak serta ketenteraman kepada ibu bapa. Kajian tersebut turut menegaskan bahawa pelaksanaan adat ini tidak bercanggah dengan prinsip syariah, selagi mana ia tidak disertai unsur khurafat atau kepercayaan tahyul. Hal ini sejajar dengan prinsip *maqāṣid al-sharī'ah* yang memberi penekanan terhadap perlindungan nyawa (*hifz al-nafs*), kesejahteraan sosial (*hifz al-'ird*), dan penyatuan institusi keluarga. Di samping itu, kajian Yusoff dan Mohamad (2021) menekankan bahawa salah satu cabaran utama dalam mengekalkan adat seperti *Bapukong* adalah kurangnya dokumentasi ilmiah yang menilai adat tersebut dalam konteks kontemporari Islam. Mereka menegaskan perlunya kajian etnografi yang lebih mendalam bagi membuktikan bahawa amalan budaya warisan ini mampu diteruskan tanpa melanggar garis syarak. Ini menunjukkan keperluan untuk memahami adat bukan sekadar dalam bentuk ritual, tetapi sebagai ekspresi identiti Islam lokal yang berfungsi dalam membentuk kestabilan sosial dan spiritual komuniti.

Kajian berkaitan adat dan budaya masyarakat Banjar di Malaysia menunjukkan bahawa tradisi seperti *Bapukong* bukan sekadar amalan fizikal untuk menenangkan bayi, tetapi juga mencerminkan

sistem nilai sosial dan keagamaan yang berakar dalam identiti Islam tempatan. Menurut Farinah Ismail (2022), masyarakat Banjar yang berhijrah dan menetap di Kerian, Perak sejak awal abad ke-20 membawa bersama sistem kepercayaan dan budaya tersendiri yang terus dipertahankan meskipun berhadapan dengan tekanan asimilasi. Dalam konteks ini, adat *Bapukong* dilihat sebagai salah satu bentuk ekspresi keagamaan yang digabung dengan tradisi turun-temurun. Berdasarkan dokumentasi rasmi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), *Bapukong* atau *Bapukung* merupakan upacara menidurkan bayi yang dilakukan dengan penuh berhati-hati menggunakan kain batik atau pelikat sambil dibacakan doa dan selawat (JKKN, n.d.-a; JKKN, n.d.-b). Upacara ini menggabungkan elemen fizikal, psikologi, dan spiritual yang selari dengan ajaran Islam. Lagu-lagu berpukong yang mengiringi amalan tersebut turut mengandungi unsur nasihat, kasih sayang dan nilai keibubapaan yang mendalam, sekali gus menjadikannya satu bentuk dakwah lembut dalam rumah tangga (JKKN, n.d.-c).

Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa amalan *Bapukong* mempunyai pengaruh positif terhadap kesejahteraan bayi. Rahmawati et al. (2024) dalam kajiannya terhadap masyarakat Banjar di Indonesia mendapati bahawa teknik berpukong membantu bayi tidur lebih lena dan mengurangkan gejala kegelisahan serta ketidakselesaan ringan seperti kembung perut. Kaitan antara sentuhan fizikal dan ketenangan emosi bayi ini selaras dengan prinsip *hiḏ al-naḑs* dalam *maqāṣid al-sharī'ah* yang menekankan penjagaan nyawa dan kesejahteraan insan sejak dari peringkat awal kehidupan. Dari sudut sosio-budaya, Yusmawati Mat Yusoff dan Mohd Khaidir Abdul Wahab (2021) menegaskan bahawa identiti masyarakat Banjar di Perak masih dapat dikenali melalui bentuk bahasa, sapaan dan adat yang diamalkan, termasuk dalam konteks penjagaan bayi. Penggunaan kata sapaan yang lembut dan sopan dalam amalan seperti *Bapukong* memperkukuh nilai kekeluargaan serta adab antara generasi, suatu ciri penting dalam pembentukan jati diri Muslim Banjar.

Sementara itu, kajian oleh Nurussobah Hussin et al. (2017) mengupas peranan tradisi Banjar sebagai medium sosialisasi dan pembentukan nilai dalam kalangan komuniti minoriti. Kajian ini menyeru agar pendekatan akademik yang berteraskan dokumentasi dan penghargaan terhadap nilai warisan diteruskan agar adat-adat seperti *Bapukong* dapat terus dikenali sebagai sebahagian daripada warisan Islam lokal yang sah dan tidak bercanggah dengan syariat. Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa adat *Bapukong* merupakan satu bentuk adat yang baik dari segi perubatan tradisional, tetapi juga kaya dengan nilai keagamaan dan budaya. Justeru, ia perlu dikaji secara sistematik dan dipertahan sebagai warisan Islam tempatan yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang seimbang dari segi jasmani, emosi dan spiritual. Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk menilai dan mendokumentasikan adat *Bapukong* secara sistematik dan akademik, khususnya dalam konteks hubungannya dengan nilai syariah dan *maqāṣid al-sharī'ah*. Kajian yang lebih bersifat analitis dan berasaskan prinsip Islam yang sahih akan dapat memberikan justifikasi terhadap pelestarian adat ini sebagai sebahagian daripada warisan budaya Islam tempatan yang autentik dan relevan.

4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian lapangan yang dijalankan di sekitar Bagan Serai dan Parit Buntar, Negeri Perak, mendapati bahawa adat *Bapukong* masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Banjar, khususnya oleh generasi pertengahan dan warga emas. Amalan ini dilaksanakan ketika bayi mengalami kegelisahan seperti kembung perut, demam ringan atau kesukaran untuk tidur. Secara umum, ibu atau nenek bayi akan menyediakan kain batik diikat pada kedua-dua hujung untuk membentuk buaian dan digantung dalam pondok kecil. Bayi dibalut dengan kemas menggunakan kain batik untuk memberikan rasa dakapan dan memastikan mereka dalam posisi duduk yang selesa. Upacara dimulai dengan bacaan doa dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Bayi diletakkan dalam buaian, diikuti dengan ayunan perlahan sambil berzanji atau marhaban. Pelaksanaan amalan ini jelas memperlihatkan gabungan antara kearifan tempatan dengan unsur-unsur kerohanian Islam (Zainal, 2019; JKKN, n.d.).



Gambar 1 Contoh gambar *Bapukong* (Data Lapangan)

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa adat ini tidak dilihat oleh masyarakat Banjar sebagai satu bentuk ritual semata-mata, tetapi sebagai sebahagian daripada warisan Islam tempatan yang diwarisi turun-temurun. Menurut beberapa informan, bacaan selawat dan doa yang dialunkan bertujuan memberikan ketenangan bukan hanya kepada bayi, tetapi juga kepada ibu bapa yang berada dalam keadaan tertekan ketika anak meragam. Lazimnya, bayi yang *dipukong* akan berhenti menangis selepas beberapa waktu dan dapat tidur lebih lama dalam keadaan tenang (Razak, 2025) seperti pernyataan informan 1:

“bila kita dah letak dia dalam keadaan bapukong hayun dia sekejap je dia akan lena terus. Dia rasa macam duduk dalam perut mak dia”

Hal ini menunjukkan bahawa *Bapukong* bukan sahaja memenuhi keperluan fizikal dan emosi, tetapi turut menyumbang kepada kesejahteraan spiritual bayi serta keluarga. Selain itu, anak yang tidur dalam keadaan bapukong akan tidur lebih lama. Seperti pernyataan informan 2 :

“dulu orang banjar banyak kerja petani tanam padi, bila anak tidur dalam keadaan Bapukong, anak tu akan tiduq lebih lene kadang 5 jam tiduq dalam tu. Mak ayah dia senang la nk turun bendang letak dia kt pondok je..”

Ini sejajar dengan prinsip *maqāṣid al-sharī‘ah* yang menekankan kepentingan penjagaan nyawa (*ḥifẓ al-nafs*), maruah (*ḥifẓ al-‘ird*), dan kestabilan sosial (*ḥifẓ al-nasl*) (Rahmawati et al., 2024).

Namun begitu, kajian ini turut mendapati bahawa terdapat kekeliruan dalam kalangan masyarakat luar terhadap adat *Bapukong*. Sebahagian pihak menyamakan kaedah membedung dan mengikat bayi sebagai amalan yang menyekat pergerakan atau menyusahkan. Sedangkan menurut informan kajian, komuniti Banjar percaya *Bapukong* bukan sekadar dapat menidurkan bayi dengan tenang, tetapi ia mampu menjadikan tubuh badan bayi menjadi lebih tegap pada masa hadapan. Persepsi negatif ini timbul kerana ketiadaan pendedahan terhadap nilai budaya dan kerangka pelaksanaan sebenar adat tersebut. Oleh yang demikian, pendidikan budaya dan penjelasan syarak terhadap amalan ini perlu diperluaskan agar tidak timbul salah faham yang boleh menjejaskan kelestariannya (Yusoff & Mohamad, 2021). Selain itu, elemen pelestarian adat ini juga diuji oleh cabaran generasi muda yang kurang terdedah kepada budaya Banjar. Informan dalam kalangan generasi muda mengakui bahawa mereka tidak pernah melihat atau melaksanakan *Bapukong*, meskipun menyedari kewujudannya melalui cerita lisan daripada ibu bapa. Justeru, penglibatan institusi pendidikan, kebudayaan dan agama amat penting untuk memelihara adat ini sebagai satu warisan hidup yang masih selari dengan ajaran Islam. Sumber seperti dokumentasi oleh JKKK (n.d.) dan kajian Nurussobah Hussin et al. (2017) menjadi asas penting kepada penghasilan bahan rujukan untuk tujuan pendidikan dan pemasyarakatan adat Banjar yang berasaskan syariat.

Kajian ini mendapati bahawa adat *Bapukong* memperlihatkan satu bentuk hubungan erat antara warisan budaya tradisional masyarakat Banjar dengan nilai-nilai Islam yang berakar dalam kehidupan mereka. Hubungan ini tidak berlaku secara kebetulan, tetapi terbina melalui proses Islamisasi budaya yang menyeluruh, di mana nilai adat ditapis dan disesuaikan dengan ajaran agama. Adat *Bapukong* bukan sahaja bebas daripada unsur khurafat atau kepercayaan tahyul, malah dilaksanakan dengan penegasan terhadap kerangka tauhid dan adab Islami. Hal ini dapat dilihat daripada amalan membacakan selawat, doa-doa *ma'thur* dan zikir ketika proses membedung dan membuai bayi dijalankan. Bacaan tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai penenang tetapi turut menjadi bentuk perlindungan rohani yang disandarkan kepada kekuasaan Allah SWT semata-mata, menolak sebarang kebergantungan kepada unsur ghaib yang bercanggah dengan akidah. Hubungan antara adat dan agama dalam konteks ini juga dapat ditafsir melalui lensa *maqāṣid al-sharī'ah*, khususnya dalam aspek pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*), maruah keluarga (*hifz al-'ird*), dan keturunan (*hifz al-nasl*). Amalan *Bapukong* tidak sahaja mementingkan aspek fizikal seperti keselesaan dan ketenangan bayi, malah menyumbang kepada suasana harmoni dalam institusi keluarga di mana ibu bapa, datuk dan nenek memainkan peranan secara bersama dalam penjagaan awal bayi. Dalam kerangka Islam, hal ini menepati prinsip *al-maslahah al-'āmmah* (kepentingan awam) kerana ia mengukuhkan hubungan kekeluargaan, membentuk ketenangan psikologi ibu bapa dan memperkukuh institusi kekeluargaan yang harmoni.

Tambahan lagi, hubungan antara adat dan agama dalam *Bapukong* membuktikan bahawa budaya tidak semestinya bertentangan dengan syariat. Sebaliknya, apabila adat dipandu oleh nilai agama, ia mampu menjadi wasilah dakwah yang lembut, menyampaikan nilai-nilai tauhid melalui medium yang lebih dekat dengan masyarakat. Hal ini turut disokong oleh kajian Rahmawati et al. (2024) yang mendapati bahawa walaupun *Bapukong* berakar daripada tradisi, pelaksanaannya menunjukkan kesan terapeutik terhadap emosi dan kesihatan bayi, dan dalam masa yang sama memperkuat aspek spiritual. Oleh itu, pemisahan yang rigid antara adat dan agama adalah satu pendekatan yang kurang tepat dalam konteks masyarakat Banjar yang telah lama menyatukan kedua-dua unsur ini dalam struktur kehidupan mereka. Dalam masyarakat Banjar di Perak, pengamalan adat *Bapukong* masih bertahan kerana adanya kesedaran bahawa adat ini sebahagian daripada legasi Islam lokal. Tokoh masyarakat dan ibu bapa yang ditemu bual menegaskan bahawa amalan ini tidak dilakukan secara taklid buta, tetapi disadari sebagai satu bentuk ikhtiar yang tidak bertentangan dengan hukum syarak. Justeru, hubungan adat dan agama dalam *Bapukong* adalah simbiotik, iaitu adat memperindah pelaksanaan nilai agama, dan agama pula memandu adat agar kekal dalam batas yang dibenarkan syarak. Ini sekali gus menolak tanggapan umum bahawa semua adat tradisi mesti ditinggalkan semata-mata kerana ia berasal dari masa silam.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa adat *Bapukong* bukan sekadar warisan budaya yang berfungsi dalam penjagaan bayi, tetapi juga merupakan manifestasi hubungan antara adat dan agama yang harmoni. Pelaksanaannya memenuhi kehendak *maqāṣid al-sharī'ah* serta tidak bercanggah dengan prinsip fiqh, selagi ia dilakukan dalam kerangka tauhid tanpa elemen khurafat. Oleh itu, adat ini wajar didokumentasi, diperhalusi dan dikembangkan secara sistematik sebagai sebahagian daripada warisan budaya Islam tempatan yang selari dengan garis panduan 'urf dan bersifat 'urf sahih.

5 KESIMPULAN DAN SARANAN

Kajian ini secara tuntas membuktikan bahawa adat *Bapukong* merupakan satu manifestasi budaya masyarakat Banjar yang tidak sahaja mengandungi unsur tradisi, tetapi juga nilai keislaman yang kukuh. Amalan ini mencerminkan kefahaman masyarakat Banjar terhadap keharmonian antara adat dan agama, di mana pelaksanaannya bukan semata-mata bersifat fizikal, tetapi disertai dengan elemen spiritual yang menepati prinsip *maqāṣid al-sharī'ah*. Proses membedung bayi dalam posisi duduk dengan bacaan doa dan selawat menunjukkan bahawa adat ini telah melalui proses Islamisasi yang halus, menjadikannya relevan dalam konteks syariat Islam yang murni. Tambahan pula, adat ini berperanan dalam mengukuhkan institusi kekeluargaan dan nilai sosial dalam komuniti, menjadikannya sebahagian daripada mekanisme sosial yang signifikan dalam masyarakat Banjar. Walaupun adat ini masih

diamalkan dalam kalangan masyarakat Banjar di Perak, kajian turut mendapati bahawa generasi muda kurang terdedah kepada pemahaman mendalam terhadapnya. Hal ini menjadi cabaran utama dalam usaha melestarikan warisan ini, lebih-lebih lagi apabila ia berdepan dengan persepsi negatif daripada pihak luar yang tidak memahami konteks budaya dan keagamaan adat berkenaan. Justeru, pelestarian adat *Bapukong* memerlukan pendekatan yang lebih sistematik dan menyeluruh, termasuk dari segi dokumentasi, pendidikan dan pengiktirafan oleh institusi budaya dan agama.

Sehubungan itu, beberapa saranan dikemukakan. Pertama, usaha pendokumentasian adat *Bapukong* perlu diperhebat melalui penyelidikan ilmiah, penerbitan akademik dan penghasilan bahan media visual yang berkualiti tinggi. Kedua, pendidikan budaya yang bersifat inklusif dan berasaskan nilai Islam wajar dilaksanakan di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan pusat komuniti agar generasi muda Banjar dapat mengenali dan menghargai warisan mereka sendiri. Ketiga, pihak berautoriti seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara serta jabatan agama negeri disarankan untuk bekerjasama dalam memberi panduan pelaksanaan adat yang mematuhi syariat, seterusnya menolak sebarang bentuk penyelewengan seperti unsur khurafat atau bid'ah yang bercanggah dengan Islam. Akhirnya, kajian ini menyarankan agar adat *Bapukong* tidak hanya dilihat sebagai amalan tradisional, tetapi dihargai sebagai salah satu bentuk warisan Islam lokal yang berperanan penting dalam membentuk kesejahteraan fizikal, psikologi dan spiritual masyarakat. Pengiktirafan terhadap warisan seperti ini adalah sebahagian daripada agenda pemerkasaan identiti umat Islam Nusantara yang harmoni antara agama dan budaya.

PEMBIAYAAN

Tiada sumbangan pembiayaan dari mana-mana pihak ingin direkodkan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dengan mana-mana pihak ingin direkodkan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin berterima kasih kepada semua yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan manuskrip ini.

SUMBANGAN PENULIS

Setiap penulis menyumbang sama-rata kepada penghasilan manuskrip ini.

RUJUKAN

- Abdullah, M. R. (2018). *Etnik Banjar: Asal Usul dan Perkembangan Komuniti di Malaysia*. Jurnal Pengajian Melayu, 29(1), 45–60.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Farinah Ismail. (2022). Penghijrahan dan petempatan masyarakat Banjar di Kerian, Perak 1905–1947. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hashim, N., & Mohd Nor, A. (2020). *Amalan Tradisional dalam Penjagaan Kesihatan Kanak-Kanak oleh Komuniti Banjar di Malaysia*. Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 15(2), 112–123.
- Hasri Bin Harun & Hasliza Binti Mohamad Ali. (2021). Konsep Hifz An-Nafs (Pemeliharaan Nyawa) Berdasarkan Maqasid Shariah Dalam Menghadapi Pandemik Covid-19. International Conference On Syariah & Law2021 (ICONSYAL 2021) - Online Conference. 57-70.

- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). (n.d.). Adat Bapukong (Berpukong). Pemetaan Budaya JKKN. <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/senibudaya/detail/701/pengenalan>
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). (n.d.). Adat resam dan budaya masyarakat Banjar Bagan Serai, Perak: Bapukung atau Pukong. Pemetaan Budaya JKKN. <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/senibudaya/detail/856/pengenalan>
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). (n.d.). Lagu Berpukong (Menidurkan Bayi). Pemetaan Budaya JKKN. <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/senibudaya/detail/824/pengenalan>
- Mahyuddin, S. (2015). *Tradisi dan Budaya Masyarakat Banjar di Malaysia: Satu Sorotan Awal*. Kuala Lumpur: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Mustaqim Bin Roslan. (2024). Sejarah Kemunculan Teori Hifz al-Nafs dalam Maqasid Syari'at: Analisis Sorotan Teoritik. *Jurnal Pengajian Islam* 17(1), 107-120.
- Nurusobah Hussin, Nurul Husna Mohd Yunus, Nur Suhaila Juharei, & Wan Satirah Wan Mohd Saman. (2017). Sosiobudaya masyarakat Banjar di Malaysia. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 1(1), 48–61.
- Rahim Aman, Zulkifly Hamid & Shahidi Abd Hamid. (2012). Profil pemikiran Banjar: satu kajian perbandingan antara suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 12-22.
- Rahmawati, R., Salamiyah, S., & Janah, S. (2024). Tradisi Bapukung pada masyarakat suku Banjar dan pengaruhnya terhadap pertumbuhan bayi. *Trilogi: Jurnal Ilmu Teknologi, Kesehatan, dan Humaniora*, 5(4), 523–530.
- Yin, R. K. (2014). *Case study research: Design and methods* (5th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Yusmawati Mat Yusoff, & Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2021). Kata sapaan dan rujukan dalam kalangan masyarakat Banjar terpilih di daerah Kerian, Perak. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 11(2), 6–22.
- Yusoff, N. A., & Mohamad, S. (2021). *Tradisi dan Adaptasi Sosial Masyarakat Banjar di Perak: Antara Warisan dan Realiti Moden*. *Jurnal Warisan dan Budaya*, 9(1), 33–49.
- Zainal, N. A. (2019). *Amalan Berpukong dalam Masyarakat Banjar di Perak: Kajian Kes di Bagan Serai*. Laporan Penyelidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).